

Kerajaan akan bayar Sultan Johor

Oleh **AZMAN IBRAHIM**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 3 MEI**

KERAJAAN akan menuntut semula dua plot tanah yang didakwa milik Sultan Johor,

Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bagi menjalankan projek Sistem Aliran Pantas (RTS) yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan membayar pampasan kepada Sultan Ibrahim sekiranya dua plot tanah di Bukit Chagar itu disahkan dimiliki dan dibayar oleh baginda.

Kata Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu,



DR. MAHATHIR MOHAMAD

setakat ini, kerajaan belum menerima keterangan lanjut mengenai status tanah berkenaan.

Katanya, jika Sultan Ibrahim belum membayar tanah tersebut sebagai pemilikannya, ia tetap

menjadi tanah Persekutuan.

"Jika baginda telah membayarnya, kita perlu membeli semula. Jika belum dibayar, kita tidak perlu beli semula. Itu tanah kita (kerajaan).

"Kita memerlukan tanah itu bagi tujuan membina kemudahan yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Yayasan Al-Bukhary di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Penasihat Majlis Presiden PH, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Naib Presiden PH, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dr. Mahathir mengulas mengenai dakwaan terhadap sebi-

dang tanah di Bukit Chagar yang sepatutnya milik Kerajaan Persekutuan telah ditukar milik ke atas nama Sultan Johor.

Beberapa individu yang mengetahui perkara itu memberitahu bahawa Pejabat Tanah dan Galian Johor mendapat tahu pertukaran hak milik tanah berkenaan pada 28 Januari lalu.

Tanah tersebut merupakan satu daripada lima bidang tanah di Bukit Chagar yang diberikan kepada kerajaan negeri Johor pada 2012 sebagai sebahagian daripada perjanjian pertukaran tanah untuk membina Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Johor Bahru.

RTS merupakan projek yang menghubungkan aliran rel Johor Bahru dengan Singapura bagi mengurangkan kesesakan lalu

lintas di sempadan negara.

Sementara itu, Mahathir berkata, kerajaan berharap akan mendapat pulangan wang rampasan sebanyak AS\$7 bilion (RM29 bilion) daripada Malaysia Development Bhd. (IMDB).

Kata Perdana Menteri, harapan itu hasil daripada perkembangan positif pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) yang bersedia memulangkan AS\$200 juta (RM28 juta) kepada Malaysia.

"Saya dengar mengenai perkara ini (pemulangan dana IMDB) dan saya rasa mereka (AS) tahu itu wang milik Malaysia, bukan sahaja Amerika Syarikat, Singapura juga akan pulangkan duit kita.

"Kita berharap dapat balik pulangan AS\$7 bilion (daripada IMDB)," katanya.